



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Pembantu Hospital (Pendaftaran) (Pindaan) 1985

DR.8/1985

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1977, Peraturan-Peraturan Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1979 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) (Pindaan) 1985 dan hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (2), mula berkuatkuasa pada tarikh berikutan dengan tarikh penyiaran Akta ini dalam *Warta*.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

(2) Pindaan-pindaan—

(a) yang terkandung dalam setiap perenggan (a) bagi pindaan-pindaan berhubung dengan seksyen 8 dan 22 Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1977 dalam Jadual Pertama, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini; dan

Akta 180.

(b) kepada peraturan 10 Peraturan-Peraturan Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1979 yang terkandung dalam perenggan (1) peraturan itu dan kepada peraturan 11 Peraturan-Peraturan tersebut dalam Jadual Kedua,

P.U. (A)
185/79.

hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 14hb Februari 1980 di Malaysia Barat, dan pada 1hb November 1980 di Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak.

Pindaan
Akta ibu.

2. Akta ibu adalah dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Pindaan
Peraturan-
Peraturan
Pembantu
Hospital
(Pendaftaran,
1979.

3. Peraturan-Peraturan Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1979 adalah dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Pentafsiran
sebutan-
sebutan
tertentu
dalam
mana-mana
undang-
undang
bertulis
atau
dokumen.

4. (1) Walau apa pun sebutan-sebutan kepada Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1977, Peraturan-Peraturan Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1979 dan Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) (Pindaan) 1985 dalam tajuk panjang dan dalam seksyen 1 dan 3, apabila mula berkuatkuasanya Akta ini menurut seksyen 1 (1), Akta ibu, Peraturan-Peraturan Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1979 dan Akta ini hendaklah masing-masing dikenali sebagai Akta Pembantu Perubatan (Pendaftaran) 1977, Peraturan-Peraturan Pembantu Perubatan (Pendaftaran) 1979 dan Akta Pembantu Perubatan (Pendaftaran) (Pindaan) 1985, dan apa-apa sebutan dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dokumen kepada Akta ibu, Peraturan-Peraturan Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1979 atau Akta ini, atau kepada ketua pembantu hospital, pembantu hospital atau pembantu-pembantu hospital yang didaftarkan di bawah Akta ibu dan di bawah Peraturan-Peraturan Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1979, hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, digantikan masing-masingnya dengan sebutan kepada Akta Pembantu Perubatan (Pendaftaran) 1977, Peraturan-Peraturan Pembantu Perubatan (Pendaftaran) 1979 atau Akta Pembantu Perubatan (Pendaftaran) (Pindaan) 1985, atau kepada ketua pembantu perubatan, pembantu perubatan atau pembantu-pembantu perubatan, mengikut mana yang berkenaan.

(2) Bagi mengelakkan keraguan, adalah ditetapkan bahawa "undang-undang bertulis" dalam seksyen ini meliputi Akta ibu, Peraturan-Peraturan Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1979 dan Akta ini.

JADUAL PERTAMA

(Seksyen 2)

Peruntukan-peruntukan Akta ibu	Jenis pindaan-pindaan
Kepala, tajuk panjang dan seksyen 1	Gantikan perkataan-perkataan "HOSPITAL", "Hospital" dan "hospital" di mana terdapatnya perkataan-perkataan itu masing-masing dengan perkataan "PERUBATAN", "Perubatan" dan "perubatan".
Tafsiran perkataan "Lembaga" dalam seksyen 2	Gantikan perkataan "Hospital" dengan perkataan "Perubatan".
Tafsiran perkataan-perkataan "daftar", "ketua pembantu hospital", "pembantu hospital", "Pendaftar" dan "pusat latihan" dalam seksyen 2	Gantikan perkataan "hospital" di mana terdapatnya perkataan itu dengan perkataan "perubatan".
Kepala Bahagian II ...	Gantikan perkataan "HOSPITAL" dengan perkataan "PERUBATAN".
Seksyen 3 dan nota birai kepadanya	Gantikan perkataan-perkataan "Hospital" dan "hospital" di mana terdapatnya perkataan-perkataan itu masing-masing dengan perkataan "Perubatan" dan "perubatan".
Kepala Bahagian III ...	Gantikan perkataan "HOSPITAL" dengan perkataan "PERUBATAN".
Seksyen 6 dan nota birai kepadanya	Gantikan perkataan "hospital" dengan perkataan "perubatan".
Baris 3 dan 4 seksyen 7 (1) dan nota birai kepada seksyen 7	Gantikan perkataan "hospital" dengan perkataan "perubatan".
Seksyen 8 dan nota birai kepadanya	(a) Gantikan subseksyen (1) dengan subseksyen (1) yang berikut: "(1) Jika seseorang telah sedia diambil kerja berlawanan dengan seksyen 7 pada mula berkuatkuasanya Akta ini, orang itu boleh terus bekerja selama suatu tempoh tidak melebihi enam tahun dari tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini dan selepas

**Peruntukan-peruntukan
Akta ibu**

Jenis pindaan-pindaan

itu dia hendaklah terhenti dari-
pada terus bekerja melainkan
jika—

(a) dia telah terlebih dahulu
didaftarkan di bawah Akta
ini; atau

(b) dia adalah, melalui suatu
perintah oleh Menteri yang
disiarkan dalam *Warta*, di-
kecualikan daripada pen-
daftaran di bawah Akta
ini.”.

(b) Gantikan perkataan “hospital” de-
ngan perkataan “perubatan”.

Seksyen 18

Gantikan perkataan “hospital” dengan
perkataan “perubatan”.

**Seksyen 21 dan nota
birai kepadanya**

Gantikan perkataan “hospital” di mana
terdapatnya perkataan itu dengan per-
kataan “perubatan”.

Seksyen 22

(a) Gantikan perkataan “letter” dalam
teks bahasa Inggeris dengan per-
kataan “better”.

(b) Gantikan perkataan “hospital” di
mana terdapatnya perkataan itu
dengan perkataan “perubatan”.

JADUAL KEDUA

(Seksyen 3)

**Peruntukan Peraturan-
Peraturan Pembantu
Hospital (Pendaftaran)
1979**

Jenis pindaan-pindaan

**Kepala, mukadimah dan
peraturan 1**

Gantikan perkataan-perkataan “HOS-
PITAL” dan “Hospital” di mana ter-
dapatnya perkataan-perkataan itu
masing-masing dengan perkataan
“PERUBATAN” dan “Perubatan”.

Peraturan 10

Gantikan peraturan itu dengan pera-
turan yang berikut:

“Kelayakan
yang perlu
untuk
diterima
menjalani
latihan.

10. (1) Tertakluk kepada
perenggan (2), tiada sesiapa
pun boleh diterima untuk
menjalani latihan dalam
suatu pusat latihan melain-
kan dia telah lulus pepe-
riksaan Sijil Pelajaran
Malaysia atau kelayakan
yang setaraf dengannya.

**Peruntukan Peraturan
Peraturan Pembantu
Hospital (Pendaftaran)
1979**

Jenis pindaan-pindaan

(2) Mana-mana jururawat lelaki tentera atau pembantu hospital rendah boleh diterima untuk menjalani latihan dalam suatu pusat latihan atas apa-apa syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Menteri sekiranya dia memiliki apa-apa kelayakan pelajaran sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri.”

Peraturan 11 ... Potong perenggan (1).

Peraturan 13 dan nota birai kepadanya ... Gantikan perkataan “hospital” dengan perkataan “perubatan”.

Peraturan 14 ... Gantikan perkataan “hospital” dengan perkataan “perubatan”.

Peraturan 15 ... Gantikan perkataan “hospital” dengan perkataan “perubatan”.

Peraturan 16 ... Gantikan perkataan “hospital” di mana terdapatnya perkataan itu dengan perkataan “perubatan”.

Peraturan 17 ... Gantikan perkataan “hospital” dengan perkataan “perubatan”.

Peraturan 19 ... (a) Gantikan perkataan “Hospital” dalam rangkai kata “Pembantu Hospital” dalam perenggan (1) dengan perkataan “Perubatan”.

... (b) Gantikan perkataan “Hospital” dalam rangkai kata “Hospital Assistant” dalam perenggan (1) dengan perkataan “Medical”.

... (c) Gantikan perkataan “hospital” dalam perenggan (2) dengan perkataan “perubatan”.

... (d) Gantikan perkataan-perkataan “Pembantu Hospital” dalam perenggan (3) dengan perkataan-perkataan “pembantu perubatan”.

Jadual Kedua ... (a) Gantikan perkataan “HOSPITAL” dalam Borang 1 dengan perkataan “PERUBATAN”.

**Peraturan Peraturan-
Peraturan Pembantu
Hospital (Pendaftaran)
1979**

Jenis pindaan-pindaan

- (b) Gantikan perkataan-perkataan "HOSPITAL", "Hospital" dan "hospital" di mana terdapatnya perkataan-perkataan itu dalam Borang 2 masing-masing dengan perkataan "PERUBATAN", "Perubatan" dan "perubatan".
- (c) Gantikan perkataan-perkataan "HOSPITAL", "Hospital" dan "hospital" di mana terdapatnya perkataan-perkataan itu dalam Borang 3 masing-masing dengan perkataan "PERUBATAN", "Perubatan" dan "perubatan".
- (d) Gantikan perkataan "Hospital" dalam Borang 4 dengan perkataan "Perubatan".
- (e) Gantikan perkataan-perkataan "Hospital" dan "hospital" di mana terdapatnya perkataan-perkataan itu dalam Borang 5 masing-masing dengan perkataan "Perubatan" dan "perubatan".
- (f) Gantikan perkataan-perkataan "Hospital" dan "hospital" di mana terdapatnya perkataan-perkataan itu dalam Borang 6 masing-masing dengan perkataan "Perubatan" dan "perubatan".
- Jadual Ketiga ... (a) Gantikan perkataan-perkataan "LENCANA PEMBANTU HOSPITAL" dengan perkataan-perkataan "LENCANA PEMBANTU PERUBATAN".
- (b) Gantikan perkataan "HOSPITAL" dalam rangkai kata "PEMBANTU HOSPITAL" dengan perkataan "PERUBATAN".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1977, Peraturan-Peraturan Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1979 dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

2. Memandang kepada latihan yang diperlukan untuk menjadi, dan peranan yang dimainkan oleh, pembantu-pembantu hospital, adalah difikirkan sesuai untuk menukar nama jawatan mereka daripada "pembantu hospital" kepada "pembantu perubatan". Olen kerana itu, pindaan-pindaan adalah perlu dibuat kepada Akta ibu dan kepada Peraturan-Peraturan Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1979 untuk menguatkuasakan penukaran nama jawatan tersebut. Pindaan-pindaan ini diperkenalkan melalui *fasal 2* dan *3* dan masing-masingnya terkandung dalam Jadual Pertama dan Kedua. *Fasal 4* merupakan peruntukan berbentuk am yang menghendaki sebutan-sebutan yang dinyatakan dalam fasal itu supaya ditafsirkan dengan sebutan-sebutan gantian yang sesuai berbangkit dari pindaan-pindaan yang terkandung dalam Rang Undang-Undang ini.

3. Sebagai tambahan kepada penukaran nama jawatan dan penggantian sebutan-sebutan yang dirujuk dalam perenggan 2, pindaan kepada seksyen 8 Akta ibu yang terkandung dalam perenggan (a) bagi pindaan kepada seksyen itu dalam Jadual Pertama bertujuan untuk melanjutkan tempoh dalam mana orang yang terlibat perlu mendaftarkan diri di bawah Akta ibu dari tiga tahun kepada enam tahun. Peruntukan adalah juga dibuat melalui pindaan yang sama untuk membolehkan Menteri mengecualikan orang yang terlibat daripada mendaftarkan diri di bawah Akta ibu.

4. Pindaan kepada peraturan 10 Peraturan-Peraturan Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1979 yang terkandung dalam Jadual Kedua adalah bertujuan untuk membolehkan Menteri membenarkan jururawat lelaki tentera atau pembantu hospital rendah, yang memiliki apa-apa kelulusan pelajaran sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri, untuk diterima menjalani latihan dalam suatu pusat latihan.

5. Pindaan-pindaan lain yang tidak disebut secara khusus adalah kecil atau berupa pindaan-pindaan yang berbangkit sahaja.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1287.]